



TUN Dr Mahathir Mohamad semasa berucap pada Town Hall bersama pegawai-pegawai tadbir dan Diplomati di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

Malaysia sudah beri nasihat selesai konflik Asia Barat

Oleh Azura Abas; Mohd Husni Mohd Noor; Zanariah Abd Mutalib dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@nstp.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia sudah memainkan peranan dalam usaha menyelesaikan konflik di Asia Barat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah bertemu dengan ramai pemimpin negara berkenaan bagi menyatakan pendirian dan nasihat, namun ia tidak diterima.

"Mereka berpegang kepada pendapat mereka. Nasihat tidak diterima. Itu sebab kita gagal mempengaruhi keadaan di Timur Tengah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Townhall Perdana Menteri Bersama Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dengan tema "Langkah Ke Hadapan: Kebangkitan Kepemimpinan Tulen" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sering mempertahankan Palestin kerana berlaku ketidakadilan yang ketara terhadap rakyat negara itu apabila tanah mereka dirampas Yahudi.

"Saya ada bertanya kepada orang Amerika, apa perasaan mereka kalau Texas diberikan kepada Yahudi? Dia tidak jawab sebab itu tidak boleh diterima, tapi serah kawasan Arab kepada Yahudi dianggap itu masih betul," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia terus mengekalkan dasar hubungan luar iaitu berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi, namun akan menegur negara sama ada kecil atau besar jika dilihat melakukan kesalahan.

"Hubungan antarabangsa adalah perkara yang sukar ditangani, sebab itu kita ringkaskan. Dasar kita adalah berbaik-baik dengan negara dunia tanpa mengira ideologi dan perkara lain.

"Pada masa sama, kita anggap kita berhak menegur sama ada negara itu kecil atau besar jika negara itu buat kesalahan.

"Dalam kalangan negara jiran, jika ada masalah, kita selalu menawarkan untuk menyelesaikan masalah termasuk di Filipina dan Thailand. Kita ada sedikit pengaruh dan kita menggunakan pengaruh itu," katanya.